



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK NORHAIZA BIN NOORDIN  
TOKOH ADIGURU SENI UKIRAN HALUS

OLEH:

MOHAMMAD ASHRAF BIN KAMAL	2014689314
MUHAMMAD NAIM BIN MUHAMAD	2014226264

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK NORHAIZA BIN NOORDIN  
TOKOH SENI UKIRAN HALUS

OLEH:

MOHAMMAD ASHRAF BIN KAMAL	2014689314
MUHAMMAD NAIM BIN MUHAMAD	2014226264

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Pertama sekali saya Mohammad Ashraf Bin Kamal dan Muhammad Naim Bin Muhamad pelajar Semester 5 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik NorHaiza Bin Noordin atas kesudiannya dalam meluangkan masa untuk ditemuramah untuk mengetahui latar belakang Encik NorHaiza Bin Noordin sebagai seorang tokoh adiguru seni ukiran halus yang banyak memberi ilmu dan sumbangan. Jutaan terima kasih ini juga ditujukan kepada seluruh pekerja dan kakitangan syarikat Tunjang Bakawali kerana membantu dalam memudahkan urusan sepanjang proses temubual berlangsung. Kami juga ingin menjulang sepenuh penghargaan kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek Oral Documentation (IMR604), di atas kesudian beliau memberi tugas ini kepada kami. Beliau juga banyak membantu kami sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku. Kami juga mengucapkan ribuan teima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugas ini berjalan. Pelbagai ilmu yang dapat kami rungkai sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Seजार era globalisasi ini, begitulah dominannya peranan mahasiswa khususnya bakal penyelidik di negara ini untuk merungkai pelbagai ilmu pendidikan di muka bumi ini. Pada dewasa kini, pelbagai pembangunan dari segenap sudut begitu pesat terbina, begitulah juga pembangunan dalam bidang seni. Justeru itu haruslah mahasiswa ini tergolong dalam orang yang sentiasa menyaingi peradaban zaman yang begitu hebat. Sebelum kami mengundur diri terimalah serangkap mutiara kata dari kami sebagai renung-renungan dan selamat beramal.

“Kehidupan kita di dunia ini tidak menjanjikan satu jaminan yang berkekalan. Apa yang ada hanyalah percubaan, cabaran dan pelbagai peluang. Jaminan yang kekal abadi hanya dapat ditemui apabila kita kembali semula kepada Ilahi.”

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Pendidikan.....	04
Bahagian 3: Penglibatan.....	03
Bahagian 4: Syarikat.....	20
Bahagian 5: Pengalaman.....	30
Bahagian 6: Pendapat.....	34
Rujukan.....	39
Lampiran	
Log Wawancara.....	40
Diari Kajian.....	47
Senarai soalan.....	50
Surat Perjanjian.....	55
Gambar.....	56
Indeks.....	

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh adiguru seni ukiran halus iaitu Encik NorHaiza Bin Noordin dan pelajar Dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh adiguru seni ukiran halus untuk dijadikan bahan sejarah dan rujukan terutamanya kepada para penyelidik, para pelajar dan juga untuk rujukan generasi masa hadapan. Temubual ini telah dijalankan di Tunjang Bakawali yang terletak di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Besut, Terengganu merupakan tempat yang tidak asing lagi bagi bidang ukiran kayu. Hasil daripada temubual yang dijalankan ini adalah dapat mengenal pasti jenis – jenis ukiran halus dihasilkan yang mempunyai keunikkan dan nilai estetika tersendiri. Hasil dari kajian ini juga, dapat mempelajari mengenai cara – cara sesuatu ukiran dihasilkan dan jenis – jenis kayu yang sesuai digunakan.*

**Kata kunci:** *Seni Ukiran Halus, Kampung Raja, Besut, Fakulti Pengurusan Maklumat, ukiran kayu*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH

Encik Norhaiza Noordin lahir pada \_\_\_\_\_ di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Berdasarkan minat yang mendalam dalam bidang ukiran kayu, beliau telah berguru dengan enam orang pengukir kayu tersohor di negeri Terengganu dan Kelantan iaitu Allahyarham Wan Su, Wan Mustafa Wan Su, Allahyarham Tengku Ibrahim, Allahyarham Rahman Long, Latif Long dan Allahyarham Nik Rashiddin. Beliau bermula dengan belajar ukiran asas pada tahun 1984 di Balai Seni Ukir Wan Su selama 6 bulan. Kemudiannya beliau mempelajari ukiran seni halus (ulu keris dan senjata tradisional Melayu) dengan Tokoh Seni Negara iaitu YM Tengku Ibrahim bin Tengku Wook selama 6 tahun. Pada tahun 1990, beliau terus mendalami kemahiran teknik ukiran dengan Abdul Rahman bin Long dan Latif bin Long di Pengkalan Nyireh, Besut. Bagi melengkapkan lagi ilmu kemahirannya, pada tahun 1992 hingga tahun 2002 beliau belajar falsafah seni ukir Melayu dan teknik ukiran hulu keris dengan Nik Rashiddin bin Nik Hussein.

Antara hasil kerja yang dihasilkan oleh bengkel beliau adalah hiasan dalaman Muzium Negeri Terengganu, Taman Lagenda Langkawi, Masjid Mukah Sarawak, Istana Melawati, Petra Jaya, ukiran Ayat Qursi di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, Arca Sirih Junjung di Bank Negara serta Pintu Gerbang serta ukiran di Rumah Bujang Desa Ukiran Kayu Besut dan yang terbaru adalah ukiran dalaman di Oxford university. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ukiran kayu, beliau juga telah melakukan beberapa kajian berkaitan seni ukiran kayu, menghasilkan buku dan berpuluh-puluh kertas kerja serta menyertai pameran-pameran di dalam dan luar negara. Ini termasuklah pameran '*Spirit of Wood*' di Asia Civilization Museum di Singapore, Brunei Gallery dan Universiti of London, UK pada tahun 2003 dan 2004. Antara buku yang dihasilkan beliau adalah '*Ukiran Melayu Warisan Melayu* (bersama Kraftangan Malaysia) dan *Spirit of Wood, The Art of Malay Woodcarving*.

Beliau merupakan Yang Dipertua Persatuan Penggiat Seni Ukir Kayu Malaysia (PENGUKIR) bermula tahun 2010. Beliau juga dipertanggungjawabkan sebagai mentor (Ukiran Kayu) oleh Yayasan Diraja Sultan Mizan bermula tahun 2009. Beliau menerima pengiktirafan dari pelbagai pihak yang menghargai bakat dan jasa beliau dalam memartabatkan seni ukiran kayu tradisional ini. Antaranya Anugerah Seni Negeri Terengganu Kategori Karyawan Seni (Tampak) 2005, Anugerah Usahawan Kraf IKS 2009, Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Anugerah Usahawan Terengganu 2013, Kategori Pelancongan, Kraf dan Warisan dan perlantikan sebagai Residen Adiguru Kraf (Ukiran Kayu) di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Maysia.

<b>Nama Penuh</b>	<b>Norhaiza Bin Noordin</b>
<b>Alamat</b>	Besut, Terengganu
<b>No kad pengenalan</b>	
<b>No telefon (Rumah)</b>	-
<b>No telefon (Peribadi)</b>	
<b>Jantina</b>	Lelaki
<b>Kaum</b>	Melayu
<b>Bidang seni</b>	Seni ukiran halus
<b>Tahun mula bergiat dalam bidang</b>	1983
<b>Status perkahwinan</b>	Sudah berkahwin
<b>Jumlah anak</b>	2
<b>Jumlah anak yang mewarisi kemahiran seni ukir</b>	Tiada (anak-anak masih kecil)
<b>Nama ibu</b>	
<b>Nama ayah</b>	
<b>Tahap pendidikan</b>	Sekolah Menengah
<b>Tahun di iktiraf sebagai Adiguru</b>	2011

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Encik Norhaiza bin Noordin merupakan seorang pengukir kayu tradisional yang terkenal bukan sahaja di Negeri Terengganu malahan sehingga ke peringkat antarabangsa. Berdasarkan minat yang mendalam dalam bidang ukiran kayu beliau telah mempelajari dan mendalami bidang ini dengan berguru kepada seramai 6 orang pengukir kayu tersohor di Negeri Kelantan dan Terengganu iaitu Allahyarham Wan Su (Tokoh Seni Negara), Allahyarham Tengku Ibrahim (Tokoh Kraf Negara), Wan Mustafa, Allahyarham Rahman Long, Latif Long dan Allahyarham Nik Rashiddin. Pada masa kini lenggok dan gaya ukiran beliau telah pun dikenali serta mempunyai identiti tersendiri. Obsesi Norhaiza dalam penyelidikan dan pembuatan seni kraf ukiran halus yang unik baginya sangat memerlukan daya minda yang kuat, usaha dan semangat yang berterusan. Bengkelnya yang terletak di Terengganu kini terus menghasilkan karya seni yang hebat dan tahun ini kita dapat melihat pembukaan Warisan Bakawali, pusat untuk kajian dan kerjasama. Di sini anda boleh menemui encik Norhaiza, melawat bengkel dan galeri beliau dan juga belajar untuk mengukir. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ukiran kayu, beliau juga telah melakukan beberapa kajian berkaitan seni ukiran kayu, menghasilkan buku dan berpuluh-puluh kertas kerja serta menyertai pameran-pameran di dalam dan luar negara. Ini termasuklah pameran '*Spirit of Wood*' di Asia Civilization Museum di Singapore, Brunei Gallery dan Universiti of London, UK pada tahun 2003 dan 2004. Antara buku yang dihasilkan beliau adalah 'Ukiran Melayu Warisan Melayu (bersama Kraftangan Malaysia) dan *Spirit of Wood, The Art of Malay Woodcarving*.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Naim Muhammad dan Mohammad Ashraf Kamal bersama Encik Norhaiza Noordin mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh adiguru seni ukiran halus. Temubual ini dijalankan di Tunjang Bakawali, Jerneh, Terengganu pada 16 November 2015. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

MN: Muhammad Naim

ENN: Encik Norhaiza Noordin

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**MN : *Okay* (baiklah), Soalan Pertama Saya, boleh Encik ceritakan mengenai latar belakang Encik seperti nama Encik dan umur, tarikh lahir, tempat lahir dan sebagainya.**

**ENN : Nama saya Norhaiza Noordin, dilahirkan di Kampung Raja Besut, di sini . Umur saya 52 [lima puluh dua] tahun, saya dilahirkan pada tahun 1963 [Sembilan belas enam puluh tiga].**

**MN Encik berasal dari?**

**ENN : Saya berasal dari sini, Kampung Raja, Besut.**

**MN : Sudah berapa lama Encik menetap disini.**

**ENN : Selama hidup saya, saya lahir disini.**

**MN : Kira [maksudnya] memang tak ada tempat lain?**

**ENN : Tak pernah tinggal di tempat lain.**

**MN : Apakah nama ibu Encik?**

**ENN : Rahmah Binti Yaacob.**

**MN : Nama ayah Encik?**

**ENN : Noordin Bin Mat Taib**

**MN : Adakah Encik sudah berkeluarga?**

**ENN : Sudah.**

**MN : Siapakah nama isteri Encik?**

**ENN : Che Rohayati Binti Abdullah.**

**MN : Berapa orangkah anak Encik?**

**ENN : Dua.**

**MN : Berapakah umur anak Encik yang sulung dan berapakah umur anak Encik**



**yang bongsu?**

**ENN : Yang sulung berumur - 14 [empat belas tahun] tahun dan yang bongsu 12 [dua belas tahun] tahun.**

**MN : Adakah saudara mara Encik, turut mengikuti bidang yang sama?**

**ENN : Tidak.**

**MN : Adakah keluarga Encik menyokong minat Encik?**

**ENN : Ya.**

**MN : Adakah anak dan isteri Encik terlibat dalam bidang ini?**

**ENN : Isteri terlibat anak belum kerana masih bersekolah.**

**MN : Adakah Encik ingin anak – anak Encik terlibat dalam bidang ini pada masa akan datang?**

**ENN : Kemungkinan, kalau mereka tidak mempunyai akademik [pelajaran] yang baik.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN**

**MN : Okay (baiklah), boleh Encik ceritakan mengenai latar belakang pendidikan Encik?**

**ENN : Pelajaran saya tidaklah tinggi. Saya belajar hingga ke tingkatan 5 [lima], SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], dan selepas itu saya tidak meneruskan lagi pelajaran saya ke tempat yang lebih tinggi.**

**MN : Apakah jurusan yang Encik ambil semasa penyambungan pelajaran?**

**ENN : Saya tak --- aliran sekolah saya ambik sains, saya tak minat sastera dan bahasa tapi saya sains tapi selepas mendapat keputusan yang kurang baik, saya tidak lagi menyambung dan mengulang lagi dan saya - selepas itu saya berehat sebab dah terlalu letih belajar selama 11 [sebelas] tahun, jadi saya berehat dan akhirnya saya bekerja sendiri, macam – macam kerja saya buat, lepas itu pada tahun 1982 [sembilan ratus lapan puluh dua] saya berminat untuk belajar seni ukir dengan guru – guru yang ada disekitar Kampung Raja dan Besut.**

**MN : Adakah Encik pernah menghasilkan sesuatu produk berkaitan ukiran kayu pada masa belajar dahulu?**

**ENN : Tidak, saya langsung tidak minat, masa sekolah dulu pun, semasa praktikal buat seni perusahaan masa zaman saya itu, seni perusahaan kayu apa semua itu pun saya tidak minat. Jadi saya tidak tahu macam mana saya boleh terjerumus ke dalam bidang yang saya tidak minat.**

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN

**MN** : *Okay* (baiklah), untuk penglibatan, boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai seni ukiran halus ini?

**ENN** : Seni ukiran halus ini dia sangat complicated (rumit) lah bermakna dia mesti kena ambil daripada, kita kena lihat dia daripada usul ataupun asal – usul dia, contohnya --- sesuatu yang dia banyak perkara yang terlibat dalam, kalau nak sebut sebagai seni ukiran halus.

**MN** : **Salah satu contohnya?**

**ENN** : Salah satunya kita tengok sejarah dia dahulu. Saya pun berkecimpung dalam bidang ini tidak terus pergi kepada. Seseengah orang biasa dia masuk atau terjerumus ke dalam bidang itu kerana kewangan, duit dan untuk mendapatkan pendapatan maka baru kita pilih, jadi kita tengok sebab apa kita pilih bidang – bidang ini. Jadi saya ini, kebetulan pada masa itu saya tidak fikir sangat duit, kalau saya fikir duit, mungkin masa itu saya dah bekerja di offshore [pelantar minyak] ikut Petronas dan kawan – kawan kita [saya] ramai dan gaji mahal – mahal. Maknanya kalau dua minggu bekerja dah boleh bawa balik 12 – 13 [dua belas hingga tiga belas] ribu, lebih baik kalau nak cari duit mesti kita ikut jalan itu. Tapi banyak perkara bila kita melihat satu---dorongan hati kita dan dorongan perasaan kita yang dimana bidang seni yang kita minat, satu. Nombor dua, kita minat, yang saya jadi tertarik itu kerana dia memberi juga impak

kepada budaya iaitu warisan. Saya tengok satu warisan yang telah dan hampir ditinggalkan, dilupakan, bermakna itu yang mendorong saya sebab kita tengok tidak ramai orang yang menceburi bidang ini. Jadi bila ada perasaan itu, saya rasa kewangan atau pun duit, sumber duit itu akan datang dengan sendirinya bila kita minat kita jadi rajin. Kita tidak boleh untuk jadi rajin jika kita tidak minat. Jadi saya tengok, saya menggunakan kaedah itu untuk mencari minat kita ataupun hendak mencari bidang kita untuk meneruskan hidup kita ini, maka kita mencari bidang yang - betul – betul tidak salah kepada kita, maksudnya bidang yang betul. Bila kita tengok 80 [lapan puluh] peratus orang atas di Malaysia ini salah pilih bidang, kerana mereka yang utama mengutamakan kepada pendapatan. Pendapatan banyak pun tetapi kalau kita tidak minat, mungkin pendapatan yang banyak, yang tinggi mesti ada muslihat maksudnya kita kena berbaloi dengan tugas kita, betul tak? Risiko dia maksud saya, jadi bila kita pergi balik pada seni tadi bila saya tengok ada, dan juga bila saya masuk saya tengok itu, saya melihat seni melayu ini adalah satu bidang yang jarang orang terokai kerana tidak digemari ataupun tidak popular, sebab di Malaysia pun dia mencanangkan, kerajaan mencanangkan pembangunan. Jadi benda-benda begitu dianggap sebagai lapok [usang], terbelakang dan sebagainya. Jadi tidak apa saya pilih juga kerana satu untuk menjaga warisan dan mempertahankan warisan, jadi saya belajar-belajar setakat mula-mula kita bukan nak belajar sangat. Nak tak nak jadi bila kita masuk kita lebih menggali-menggali terus menggali, mencari sampai sekarang. Dan sekarang pun usia ilmu pengalaman saya ini dalam

bidang ini sudah menjangkau 30 [tiga puluh] tahun, tiga dekad. Jadi dan guru – guru saya pun dah ramai yang sudah meninggal -. Jadi itu antara sejarah bagaimana saya belajar apa seni ukiran halus.

**MN : Pada tahun bila Encik memulakan bidang ini?**

**ENN :** Saya mula pada tahun 84 [lapan puluh empat] dan dah 30 [tiga puluh] tahun begitu.

**MN : Dimanakah tempat pertama Encik mulakan bidang ini?**

**ENN :** Sesekitar ini. Sebenarnya selepas saya habis sekolah, saya rehat sekejap. Lepas itu saya cari kawan – kawan saya dah [sudah] tak ada di Singapore (Singapura). Masa itu, zaman orang kerja di Singapore (Singapura), di Terengganu dengan Kelantan ini hampir semua orang lelaki, yang tinggal cuma kanak – kanak dan orang tua sangat yang ada di kampung. Yang lain semua pergi ke sana. Dianggarkan 8 [lapan] ke 90 [sembilan puluh] ribu orang kita di kelantan ini bekerja di Singapore (Singapura) . Jadi saya pun dah semua orang buat macam itu, kita [saya] pun ikut pergi. Saya disana hampir 3 [tiga] tahun, masa itu hendak mencari duitlah, Selepas habis sekolah kan nak [hendak] mencari duit. Jadi selepas balik - saya berfikir bagaimana untuk kita [saya] teruskan hidup. Sebab kerja kat [di] Singapore (Singapura) bukannya saya suka sangat, tapi sebab ikut kawan terpaksa bekerja untuk mencari sumber kewangan. Jadi selepas balik saya berfikir Allah S.W.T tidak menjadikan seseorang itu lahir di

dunia ini hanya untuk menjadi orang yang tidak berjaya dalam hidup. Jadi masa itu saya berfikir saya adalah salah seorang yang tidak berjaya. Bila istilah kita di Malaysia ini, bila tidak ada akademik maka kita sudah failed (gagal), betul tak? Jadi kita ini telah disisihkan masa itu. Jadi saya tidak fikir begitu, Allah S.W.T menjadikan manusia , mesti ada keistimewaan dan kelebihan. Jadi saya cuba untuk mencari kebolehan itu. Maka itu saya mencari apa – apa bidang yang tertentu. Saya mengambil masa setahun untuk mengembara ke seluruh Tanah Air mencari bidang yang dikatakan yang saya suka itu, masih tak berjumpa. Jadi balik, gagal, balik duduk di rumah masa itu, satu hari saya pergi ke Alor Lintang berjumpa Wan Su di balai ukir Wan Su di Alor Lintang di situ saya duduk saja – saja , sebab misi kita dah berakhir, kita dah kira tidak boleh buat apa dah, pergi berjalan dan menengok orang mengukir dan di situlah saya, tidak merasa minat lagi tetapi seronok melihat orang mengukir dari pagi sampai petang. Besok [keesokkan hari] datang pula dari pagi hingga petang.

**MN : Jadi apakah yang mendorong minat Encik untuk menceburi bidang ini?**

**ENN :** Itulah --- bila saya tengok sehingga seminggu – dua minggu, saya tak sedar yang saya boleh duduk dan saya rasa masa sangat singkat. Dari pagi hingga petang itu singkat. Jadi kita [saya] tidak sedar. Jadi selepas itu, kita [saya] terfikir kenapa kita [saya] ada di sini? Maknanya kita [saya] dah menaruh minat yang mendalam pada sesuatu benda itu. Macam orang bercinta , dia bertelefon sampai panas nak meletup telefon, masih tidak sedar lagi. Macam orang kata, baru

sekejap sahaja kita rasa sebab bendanya kita dah suka. Bila kita suka, masa akan jadi singkat. Bila saya sedar, saya rasa inilah sebenarnya benda yang saya tidak cari itu saya telah dapat dengan secara tidak sengaja. Maka saya minta kerja dengan Wan Po. Masa itu, saya dah mula atas kain cadar, saya melukis motif – motif apa yang saya lihat. Bukan cara belajar dengan visual yang kita tengok itu kita pun mula melakar atas apa yang kita tengok. Jadi saya minta kerja dengan Wan Mustapha dan anaknya yang jaga masa itu. Jadi kerjalah dengan dia sambil belajar. Saya sebagai Penjurih masa itu, lepas [selepas] dia lukis saya akan tekap dengan kertas minyak masa itu dan lepas itu trace (lakar) balik pada kayu. Macam itu saya mula dan saya belajar sikit – sikit. Lepas itu, lepas duduk dengan dia selama 4 [empat] bulan, ada kawan saya kata ada seorang lagi tokoh Tok Ku Ibrahim nama dia, juga buat ukiran halus. Yang ini ukiran yang kita tengok yang kita panggil interior (dalaman) hiasan dalaman, pintu semua ini. Tok ku Ibrahim ini dia mengukir ukiran yang halus macam hulu keris, hulu parang maknanya ukiran – ukiran yang kecil. Jadi saya lebih berminat dan lebih perasaan untuk ingin tahu, maka guru ini kata, Allahyarham ini kata “mari duduk dengan aku, aku (rasmi). Saya tidak suka sebab saya dah bersekolah selama 11 [sebelas] tahun dengan kena bangun pagi, kena ikut peraturan dan saya tidak suka mengikut peraturan tetapi saya tidak sedar, apa yang saya belajar itu adalah sangat disiplin lebih pada mana – mana disiplin sebab dia terlalu rumit. Dia lebih bukan kepada pengurusan dia lebih kepada perhatian, perhatian dan praktikal. Disitu saya belajar – belajar selama 6 [enam] tahun dengan arwah

Tok Ku Ibrahim, saya minta dengan dia saya nak keluar saya nak pergi cari guru – guru yang ada disekitar kawasan ini antaranya Latiff Long itu semua secara tidak formal (tidak rasmi) bermakna saya tidak terikat dengan orang itu. Saya tahu bila terikat kita akan jadi pekerja kita tidak akan jadi pelajar. Jadi saya mari [datang] pukul 10 [sepuluh] duduk dua jam tengok berbincang lepas itu balik. Lepas itu saya berjumpa dengan Latiff Long belajar secara ini jugak, lepas itu dengan Rahman Long abang dia di Besut ini juga, Latiff Long di Kota Bharu dan akhirnya saya dapat jumpa seorang guru iaitu arwah Nik Rashiddin. Nik Rashiddin ini banyak mengajar saya dalam konteks [bidang] ilmunan contohnya mengkaji mengikut kaedah Universiti sebab dia ramai kenalan di kalangan pensyarah Universiti dan isteri nya juga adalah seorang pensyarah Universiti, maka kaedah kajian itu dia dapat belajar kaedah itu untuk mencari sumber – sumber kegunaan seni ukir sendiri. Jadi disitu bila saya duduk dengan dia mengikuti pengajian secara tidak formal (tidak rasmi) juga dengan Nik Rashiddin maka saya banyak, guru ini banyak membawa saya travel (melancong) bawak pergi ke Patthani mencari mengkaji kubur – kubur lama, istana lama juga menyoal siasat orang – orang tua zaman dahulu dan juga membeli artifak – artifak lama untuk kajian, untuk tujuan kajian dan rujukan kita [saya]. Jadi kaedah ini lebih berkesan kepada saya dimana akhirnya saya juga dipanggil oleh universiti untuk menjadi residen adiguru dan juga dipanggil karyawan tamu di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dan UPM [Universiti Pertanian Malaysia]. Jadi dengan tidak ada pelajaran secara formal



(rasmi) dimana saya berhenti hingga ke tingkatan 5 [lima] saya boleh berkomunikasi dengan orang yang lebih berpelajaran dengan kaedah pembelajaran yang kita belajar dengan guru terakhir saya, arwah Nik Rashiddin.

**MN : Nik Rashiddin ini tinggal di mana?**

**ENN :** Dia tinggal di Kota Bharu dan sekarang ini dia berpindah ke Kandis, di kampung Kandis di Bachok. Dan sekarang ini dia ada akademi iaitu akademi Nik Rashiddin.

**MN : Boleh Encik beritahu ukiran pertama yang Encik pernah hasilkan?**

**ENN :** Ukiran itu ada di, ukiran pertama yang saya hasilkan pada tahun 84 [lapan puluh empat], 85 [lapan puluh lima] gitu la [begitu] di --- ukiran itu ada di rumah nenek saya di Hulu Besut.

**MN : Ukiran macam mana itu Encik?**

**ENN :** Bergantung pada research (kajian) saya pada masa itu, sebab dia sekarang semakin meningkat, meningkat, meningkat macam kita menulis juga. Bagaimana tulisan awak [awak] yang pertama kalau saya tanya? Bagaimana tulisan kita yang pertama? [penemuramah ketawa] --- macam itu lah, ukiran itu pun sama lah. Jadi masih ada di rumah nenek saya dan disitu bila kita tengok sekarang banyak kesalahan – kesalahan dan kesilapan – kesilapan yang ketara selepas kita menimba banyak ilmu jadi banyak komen – komen kita sendiri

daripada ukiran yang telah berusia 30 [tiga puluh] tahun.

**MN : Berapa lama masa yang Encik ambil untuk menyiapkan ukiran pertama Encik?**

**ENN :** Dia [ukiran] bergantung kepada apa yang kita nak [hendak] ukir. Macam kita menulis, kalau saya kata contohnya saya tulis macam mana pun saya tulis elok – elok supaya tulisan ini dengan tulisan [menunjuk gambar]. Antara dua tulisan ini mana lebih cepat? [bertanya kepada penemuramah]. Jadi sama juga dengan ukiran, jadi ukiran yang rumit yang memerlukan daya fikir yang kuat maknanya akan menghasilkan kesan masa yang lama. Kalau ukiran yang simple [mudah], komersial maknanya ukiran itu lebih cepat diukir bergantung pada standard [piawai] dan gred.

**MN : Dari segi pengalaman Encik, bagaimanakah Encik mendapatkan idea atau inspirasi untuk menghasilkan sesuatu ukiran?**

**ENN :** Itulah, dalam apa – apa bidang sekalipun, kita kena melipatkan pemikiran kita, peratusan pemikiran kita suatu hari itu mungkin 80 [lapan puluh] peratus kepada benda yang kita minat. Contohnya, jika kita cenderung kepada ugama [agama] kita akan bercakap pasal agama lah. Betul tak? Jika kita cenderung kepada politik, apa yang kita cakap isunya mesti politik. Kalau kita orang bisnes [perniagaan] kita akan bercakap pasal duit sahaja, projek sahaja, tapi kalau kita dalam seni ukir 80 [lapan puluh] peratus tiap – tiap [setiap] hari itu kita akan

bercakap - tentang ukiran. Jadi bila kita dah berfikir 80 [lapan puluh] peratus setiap hari maknanya idea – idea tu dah [sudah] ada dalam ini [fikiran]. Macam kita nak [hendak] menulis, maka kita kena memahami dar A – Z betul tak? Huruf A – Z kita kena faham dan kita kena mahir dan kena tahu dari A – Z ada berapa huruf. Sama juga dengan ukiran, kita kena tahu ada berapa elemen [unsur - unsur] dalam motif – motif untuk kita melukis, untuk kita melakar. Jadi bila kita faham berapa yang kita ada, maka tidak payah [susah] untuk kita, cuma tinggal lagi motif apa maksudnya daun apa, daun labu ke, daun bunga raya ke, dia ada kaedah.

**MN : Adakah setiap lukisan yang Encik hasilkan mempunyai jenis yang tersendiri?**

**ENN :** Ya. Dia lebih tertumpu kepada motif – motif bunga di persekitaran orang melayu yang selalunya digunakan untuk makanan dan juga perubatan, contohnya bunga raya, bunga ketumbit, bunga tanjung, bunga – bunga yang berbau wangi, bunga – bunga yang digunakan oleh orang tua – tua zaman dahulu yang ada disekitar yang mudah untuk dirujuk. Bunga – bunga itu, motif – motif itu motif yang mudah untuk kita fahami dan kenali.

**MN : Dari manakah Encik mendapatkan sumber kayu – kayu yang digunakan untuk menghasilkan sesebuah ukiran?**

**ENN :** Di Besut ini tidak ada masalah sebab kayu ataupun bahan yang terbaik untuk

diperbuat adalah kayu Cengal. Jadi Besut ini adalah pengeluar kayu Cengal : terbesar di Malaysia, jadi saya tidak ada masalah dan banyak lagi kayu lain seperti kayu Merbau, kayu Seraya, kayu Samsana, Tembesu dan banyak lagi kayu yang boleh dikaitkan dengan bahan untuk membuat ukiran. Cuma gred - grednya sahaja yang memberi perbezaan.

**MN : Boleh Encik senaraikan alatan – alatan yang digunakan untuk membuat ukiran?**

**ENN :** Kita akan gunakan pahat yang direka khas untuk mengukir. Kalau ukiran yang kasar itu, untuk interior (dalaman) kita akan gunakan pahat yang lain, satu pahat yang agak besar yang sesuai dengan karya ukir itu dan kalau untuk ukiran – ukiran yang halus perlu menggunakan pahat – pahat yang sangat halus yang sesuai dengan motif – motif yang kita hendak ukir.

**MN : Dalam menghasilkan sesuatu ukiran, adakah Encik menggunakan teknik – teknik tertentu?**

**ENN :** Ya. Itu memang. Teknik itu merupakan satu perkara yang amat rumit dan memerlukan pengalaman dan masa yang lama untuk memahami, sebab cara pengukiran, ukiran melayu ini dia tidak ada sekolah yang khas jadi kita tidak boleh belajar secara formal, maknanya di dalam bidang seni ukir kita mesti melihat kepada pelajar itu sendiri bukan guru yang mengajar kita. Dia tidak ada kos yang guru mengajar, pelajar itu sendiri kena menyoal dan kena memberi ---

kiranya dia tidak ada teknik yang tersendiri teknik khusus ke macam mana [ditanya oleh penemuramah]. Ada. Tetapi guru biasanya tidak akan mengajar selain daripada pelajar itu sendiri yang minta - ataupun biasanya bila kita belajar kita kena buat satu dan guru itu akan menilai dan melihat, yang ini kurang teknik ini, yang itu kurang teknik itu, yang teknik ini yang akan digunakan bukan teknik yang awak gunakan itu. Jadi pelajar kena bawa. Macam kita belajar juga, guru tidak boleh untuk memeriksa jika kita tiada benda untuk diperiksa, macam mana guru itu hendak menilai berdasarkan satu kerja, hasil daripada pelajar itu. Ditunjuk hasil barulah guru itu boleh komen [ulas] dan dia boleh tahapkan kita kepada tahap mana – mana. Sama ja [sahaja] kalau kita tengok kaedah pembelajaran itu sama sahaja apa – apa pun, Cumanya kita tengok dalam seni ukir ini dia sangat terencil bidang yang sangat terencil maka kita nampak kaedah ini sangat berlainan. Sebenarnya sama, cumanya kita melihatnya dari segi prinsip kuat ke tidak kuat. Kadang – kadang kita tengok dalam hidup kita ini kita tengok satu yang objektif dalam hidup kita. Benda yang objektif ini kebanyakannya agama. Dia tidak ada, dia cuma ada 2,3 [dua , tiga] itu sahaja. Kalau dari segi kehidupan, kita banyak subjektif, kita boleh pergi sekejap ke Kuala Lumpur, maknanya ada beberapa alternatif yang kita nak [hendak] pergi. Maknanya gitu [begitu]. Tapi dalam seni ukir ini, dari segi olahannya ia lebih kepada kita boleh cari jalan alternatif, tetapi kalau untuk mengekalkan dalam seni ukir itu sendiri, apa yang kita hendak matlamatnya kita mengukir. 1 [satu] kita nampak cantik, tetapi yang sebenarnya yang lebih dari satu itu yang pertama

itu ialah kita hendak meninggalkan imej (gambaran) atau kesan kepada bangsa kita maksudnya kita hendak tinggalkan satu simbol. Apa yang kita buat itu adalah simbol daripada budaya orang melayu. Macam kita berbahasa, macam kita bercakap. Selagi orang itu tidak bercakap, kita tidak tahu orang itu berbahasa apa. Kalau Negro senanglah, kalau Cina senanglah kita tidak payah [perlu] tanya, jadi kalau orang melayu ini susah sebab macam – macam wajah dia ada, pelajar Negro pun I/C [kad pengenalan] pun macam melayu, wajah Cina pun kita tengok I/C [kad pengenalan] melayu, arab pun kita tengok I/C [kad pengenalan] melayu, India pun melayu. Orang melayu ini orang kata sangat global [meluas]. Bangsa ini merangkumi semua bangsa di seluruh dunia, betul tak? Jadi, macam mana kita hendak letak imej [gambar] macam mana gambar orang melayu itu sendiri melainkan dia bertutur baru lah kita tahu, begitu jugak dengan ukiran kayu, dia sangat, dia macam ada homesick [rindu rumah], bila kita mengukir ramai orang kata yang ukiran ini macam jawa, yang ini macam siam, yang ini macam eropah, tidak. Dia sebenarnya ukiran melayu ini ada bila orang Eropah masuk menjajah. Pengaruh Eropah itu kita tiru, orang kita ini suka meniru, tengok masakan. Saya sampai [sehingga] sekarang tidak jumpa masakan melayu yang sebenar. Cuba bagi tahu saya, satu masakan melayu yang kita boleh kata betul – betul asli makanan melayu, boleh tak? Budu itu pun dari Vietnam. Di Besut ini, ada satu tempat nama Fikri, di situ orang Cina yang buat budu, jadi kita belajar dan mempopularkan orang melayu. Kalau dah budu pun hok [yang] orang, apa benda yang milik kita, tiada? Sebenarnya tidak ada sebab

kita ini, orang melayu ini wujud daripada bangsa Nusantara. Maknanya orang ini datang duduk di kepulauan melayu, mengamalkan budaya melayu, bertutur dalam bahasa melayu dan beragama [beragama] islam maka melayu lah dia. Benda itu kita kena faham baru kita boleh buat ukiran, jika tidak macam mana kita hendak bercakap mengenai ukiran kalau kita tidak tahu sejarah dan perangai ore [orang] sesuatu bangsa pelik ini. Itu kaedah saya mencari dan mengkaji.

**MN : Berapakah lama, masa yang Encik pernah hasilkan untuk menghasilkan satu ukiran bersaiz besar?**

**ENN : Itu pun bergantung juga kepada karya itu sendiri.**

**MN : Dalam masa sehari, berapakah bilangan ukiran yang Encik boleh hasilkan?**

**ENN : Cuma mengilhamkan boleh, macam sekarang ini, saya tengah mengilhamkan beberapa pintu untuk kolumrad [bangsawan] di Malaysia ini. Saya boleh hasilkan dan ilhamkan dia untuk menjadikannya satu. Sebab ini proses mengukir dan mengilhamkan adalah dua perkara berbeza. Saya lebih mengamalkan mengenai ukiran – ukiran yang luar pada kebiasaan jadi saya tidak mengikuti masa. Pada saya masa tidak memberi, dalam kerja saya ini, saya tidak memberi penekanan kepada masa, pada saya hasil itu dahulu. Jika hasil itu bagus maka panjanglah masa untuk menghasilkan.**

**MN : Adakah setiap ukiran yang Encik hasilkan bermotifkan sesuatu contoh seperti tumbuh – tumbuhan, alam sekitar, keagamaan dan sebagainya?**

**ENN : Keutamaan adalah pada tumbuhan dan tumbuh – tumbuhan yang diolah mengikut kaedah melayu iaitu berpunca dan berakhir, maksudnya kita boleh buat benih berpunca daripada benih dan ada penyudahnya maksudnya ada pucuk, hujung dan sebagainya dan satu lagi lebih kepada kaligrafi, tulisan khat atau tulisan ayat – ayat suci yang boleh digunakan untuk keselamatan dan sebagainya. Itu yang popular (terkenal).**

**MN : Apakah kekangan atau gangguan yang Encik hadapi dalam menghadapi sesuatu ukiran?**

**ENN : Malas sahaja kekangannya. Bila kita tidak ada penempah, ia akan memberi kesan kepada pekerja yang 16 [enam belas] orang kat [di] belakang itu. Jadi kalau tempahan kurang daripada bulan ini, maka ia akan memberi kesan kepada pekerja. Begitulah dengan kejatuhan harga dan pembeli – pembeli takut untuk membeli barang yang bukan keperluan seperti ukiran ini dan memberi kesan yang amat besar kepada bidang ini.**

**MN : Adakah untuk menghasilkan sesuatu ukiran memerlukan kemahiran tertentu?**

**ENN : Susah --- sangat susah. Di tempat saya sendiri pun, saya tengah melatih, 5 [lima] tahun itu belum tentu dapat mencapai satu tahap yang sukar, sebab saya pun**



tidak ada kaedah ataupun satu SOP (Standard Operation Procedure) yang tidak dilakukan secara bersungguh – sungguh. Jadi saya buat SOP (Standard Operation Procedures) pada saya sendiri. Saya lepas diorang [mereka] saya hendak tengok sejauh mana, sebab pembelajaran saya pun, apa yang saya belajar saya akan buat pada pelajar yang baru mengikut kaedah saya. Tetapi sebenarnya tindakan saya tidak berkesan kerana manusia sekarang perlu ditortured (dipaksa). Bila kita tortured (paksa) baru dia ikut, kalau tidak ada disiplin yang kuat. Sebenarnya, pada zaman saya dahulu, kita sendiri yang mencipta disiplin itu, berbeza dengan sekarang kena masuk IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara], kena masuk itu, kena masuk ini sebab contoh nak tahu hari minggu. Masa hari tidak masuk kuliah, pukul berapa kita bangun? Begitu lah, bila kita bebas hendak pergi ke mana, bila kita sudah letak jadual itu kena buat, ini kena buat. Macam anak saya sendiri, hari jumaat ataupun hari minggu, tidak pergi ke sekolah. Jika pergi ke sekolah pukul 6 [enam] sudah bangun, jadi maknanya kita tengok disiplin itu tidak datang dari kita sendiri tetapi mari [datang] daripada jadual – jadual yang orang dah tetapkan. Itu salah satu perkara yang perlu diterapkan dan dititikberatkan.

**MN : Apakah cara – cara yang boleh dilakukan untuk menjaga sesuatu ukiran agar dapat bertahan lama?**

**ENN : Sebenarnya, perkara ini harus dididik daripada awal. Maknanya untuk tahan lama kita mesti memilih kayu yang tahan, maka dia akan tahan lama.**

Penggunaan kayu Cengal itu memberi kesan kepada ukiran bila kita menggunakan bahan yang terbaik.

**MN : Bagaimana Encik membezakan bahawasanya ukiran Encik berbeza dan unik dari ukiran yang lain?**

**ENN :** Saya tidak kata saya unik, tetapi saya mempraktikkan ukiran – ukiran yang jarang orang buat. Dalam kajian saya ini, saya dah melihat banyak ukiran – ukiran yang dihasilkan oleh pengukir hebat pada zaman dahulu, maka saya berminat untuk mempraktikkan untuk mempelajari seni – seni yang ada dan artifak – artifak yang saya beli, jadi saya belajar menjurus kepada kaedah ukiran yang rumit. Jadi untuk menilai bukan kami sebaliknya orang yang melihat sebab kita tidak boleh menilai diri kita sendiri.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SYARIKAT**

**MN : *Okay* (baiklah) soalan seterusnya mengenai syarikat, adakah encik mempunyai syarikat sendiri?**

**ENN :** Ya saya ada dua syarikat satu saya tubuhkan syarikat yang bernama seni ukir bakawali pada tahun 90 [sembilan puluh], dan yang kedua saya tubuhkan syarikat tunjang bakawali sendirian berhad pada 2006 [dua ribu enam], selepas

saya melihat seni ukir bakawali yang saya tubuhkan itu saya lebih menjurus kepada kepada ukiran-ukiran yang rumit dan yang berharga tinggi, jadi apabila kegawatan ekonomi berlaku pada akhir 90 [sembilan puluh] dan maka saya melihat saya sudah tidak dapat meneroka dengan lebih jauh kerana ada - saingan dalam pasaran iaitu dari Indonesia dan jugak ramai pelajar - pelajar daripada institut-institut [institusi-institusi] kerajaan seperti institut [institusi] kraft negara di Rawang di tubuhkan dan mengeluarkan ramai graduasi-graduasi yang mahir dalam bidang seni ukir yang maka menjadi pesaing kepada kita, maka saya tidak boleh lagi mengamalkan kaedah ukiran yang sangat – tinggi - level dia, dengan ini tertubuhnya pada tahun 2006 [dua ribu enam] selepas buat kajian saya menubuhkan seni ukir tunjang bakawali sendirian berhad untuk menjadi pesaing balik kepada syarikat-syarikat ukir yang tubuh bagai cendawan sekarang ini, maka itu kita mengeluarkan produk-produk yang lebih kepada comercial produk dimana lebih berfungsi, contohnya kita melihat kotak-kotak yang kita tengok [lihat] dekat belakang tuh, ya, kotak-kotak itu kita gunakan dengan harga yang sangat murah dan untuk mendapat keuntungan yang lebih kita terpaksa menjual dengan kapasiti yang besar, kalau unitnya, kalau satu unit kita mungkin boleh untung 2-3 [dua tiga] ringgit, tapi kita kena buat banyak, jadi kita buat banyak kita akan dapat keuntungannya digandakan dengan banyaknya jumlah, contohnya tempahan 500 [lima ratus] unit kotak yang bernilai 80 ringgit, dimana kami dapat keuntungan 5 [lima] ringgit pada satu unit, maka 5 [lima] ringgit dikali dengan 500 [lima ratus] unit, maknanya kita dapat – 100 [seratus] kita

boleh dapat dalam 2500 [dua ribu lima ratus], maknanya itulah, keuntungan yang kita dapat daripada nilai, itu berbeza sekali dengan yang seni ukir bakawali buat, seni ukir bakawali pernah membuat pintu yang bernilai tiga ratus ribu [300 000] sepasang pintu, itu rekod kita buat tiga ratus ribu [300 000] satu pintu.

**MN : Apakah nama syarikat encik tadi?**

**ENN : Seni ukir baka wali untuk yang pertama dan tunjang baka wali sendirian berhad itu yang pada 2006 [dua ribu enam].**

**MN : Apakah yang dimaksudkan dengan nama syarikat encik? Boleh encik terangkan sedikit?**

**ENN : Maksudnya tidaklah banyak tetapi masa saya buat pendaftaran pertama saya pun blank (kosong) kita tidak rancang nak buat apa, saya pikir masa itu syarikat yang kita buat tuh saya cuba nak letakkan seni ukir melayu traditional, tetapi dihalang oleh pihak R-O-S (Registry Of Societies) katanya tak boleh, ada perkauman, jadi masa itu saya kena fikir masa itu jugak - apa nama, jadi saya fikir apa bunga yang misteri sikit lah, disitu lah saya tengok bakawali ni dia kembang pada waktu malam, jam 12 [dua belas] malam dia berkembang jadi disitu saya pilih dalam masa spontan [rawak] tuh, seni ukir bakawali.**

**MN : Soalan seterusnya, adakah syarikat encik mempunyai cawangan di tempat**

**lain?**

ENN : Tidak

MN : **Adakah encik ada mengupah pekerja?**

ENN : Ya, dekat belakang tuh.

MN : **Berapakah jumlah pekerja encik?**

ENN : Lebih kurang 15 [lima belas] orang

MN : **Apakah ciri-ciri encik utamakan ketika mencari pekerja?**

ENN : - saya menemuduga mereka melihat, lebih melihat kepada kemahiran, ada jugak yang tidak mahir yang tidak dan tidak tahu dariapada awal dan kita latih mereka yang mahir sangat sukar untuk kita mendapatkan pekerja yang mungkin mengikut kaedah, dia [mengkukir] macam mazhab [cabang cara] kalau kita ada tiga pengukir lain, ukiran mereka memang berbeza, dia [ukiran] berbeza bila berbeza cuma mereka [ukiran] yang sama adalah elemen, contoh ya kalau kita menulis, syarikat ni menulis abc smpai z, syarikat ni menulis abc sampai z, syarikat ni menulis abc sampai z, sama, tetapi huruf a mereka lain, syarikat ni a jugak tapi, bentuk dia lain, jadi tiga syarikat yang berbeza bentuk yang lain tetapi mereka masih menggunakan unsur yang sama iaitu abc sampai z, huruf,

jadi sama jugak ukiran - elemen yang sama benih batang daun dan sebagainya tetapi bunga tu lain, dan ukiran tu lain, bahasa tu lain.

**MN : Pekerja encik memang mahir tak dalam bidang seni ukir?**

**ENN :** Mula-mula dia duduk dengan kita, kena ikutlah apa yang - kita akan jadi sebagai konduktor [penggerak] diorang, dia akan ikutlah, kalau dia bekerja di tempat lain mereka kena ikut pulak sebab pekerja ni dia macam tangan kita, di arah, yang mengarah sini [otak], tangan ni tunggu je diarah, dia kata buat gini kiri, kiri lah dia pergi, dia kata kanan, kanan lah dia pergi, jadi begitu jugak pekerja ni adalah anggota kita.

**MN : Apakah projek pertama yang diterima oleh syarikat ini?**

**ENN :** - saya dapat satu [1] - yang pertama saya, saya dapat buat mimbar, mimbar di satu kampung di Besut - buat satu mimbar, itulah projek pertama saya dapat. Nilai dia tidak silap saya 3800 [tiga ribu lapan ratus].

**MN : Apakah projek yang terbesar yang pernah diterima oleh syarikat ini?**

**ENN :** Saya buat projek yang besar - ialah projek buat ukiran di oxford universiti, di islamic center

- MN : Pada tahun bila tuh? boleh encik terangkan sedikit?**
- ENN : 2000 [dua ribu] - saya mula dengan 2006 [dua ribu enam] berakhir pada 2011 [dua ribu sebelas] atau 2012 [dua ribu dua belas] begitulah, kita ada usaha sama dengan seorang kontraktor, di buat di dalam auditorium dan jugak di galeri, di panggil Oxford Center of Islamic Studies, dan telah di jemput oleh Prince Charles menerangkan sedikit sebanyak tentang ukiran di dalam.**
- MN : Ia lebih mengkhususkan *interior design* (design dalaman) ke? atau pun ukiran?**
- ENN : Ukiran dalam *interior* (dalaman), bila bangunan dah siap, maknanya perhiasan pada dalam itu nak menggunakan kayu. Jadi saya dijemput untuk menghasilkan karya pada bahagian dalam.**
- MN : Adakah encik pernah menganjurkan bengkel mengukir terhadap masyarakat sekitar dan sebagainya?**
- ENN : Tu [bengkel] banyaklah tiap-tiap tahun saya mendapat kunjungan daripada university, kebanyakannya universiti yang – daripada - seni bina, jabatan seni bina, dan jugak *fine art* [seni reka], itu dua jabatan yang banyak kunjungi sini untuk mendapat maklumat-maklumat tentang sebelum mereka meneroka lebih jauh, makna mereka kena harus mengenal, mengenal seni budaya setempat dulu sebelum meneroka lebih jauh, jadi itu satu kaedah yang baguslah yang dibuat**

oleh pihak universiti.

**MN : Berapakah jumlah pekerja yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah ukiran yang besar seperti di bangunan, di muzium dan sebagainya.**

**ENN : Bergantung, kalau kerja yang besar mungkin kita menggunakan 10-15 [sepuluh ke lima belas] orang kalau kebiasaan, kalau sekarang tidak ramai lah dalam 5-6 [lima enam] orang, kerja dah cukup untuk memasang pada bangunan-bangunan seperti masjid dan sebagainya.**

**MN : Untuk menyiapkan sebuah ukiran hiasa dalaman bagi sesebuah tempat seperti istana, rumah vvip dan sebagainya, apakah aspek utama yang encik utamakan?**

**ENN : Keselamatanlah - kalau pemasangan tuh, dan jugak kita buat rumah berstatus itu kita kena menjaga banyaklah keselamatan pekerja dan jugak keselamatan dalam bangunan itu sendiri.**

**MN : Dari segi ukiran tersebut?**

**ENN : Ukiran ia bergantung kepada bila kita ambil tempahan lima puluh peratus adalah hak pemilik 50 [lima puluh] peratus adalah hak \_ dalam perbincangan untuk menghasilkan sebuah pintu atau sebuah rumah contohnya, pemilik harus -**



memberi pandangan daripada itu, dia kata dia nak bunga ni, nak ini nak saiz ni, macam-macamlah dia nak, tapi dalam masa yang sama jugak kita kena menjadi seorang penasihat jugaklah, penasihat kepada pemilik, macam mana kita nak menggunakan \_ bunga, nak menyesuaikan keadaan ataupun bahagian-bahagian contohnya pintu sesuainya macam ini, kita akan tanya pemilik isteri dia suka bunga apa, suaminya suka bunga, kalau dia kata suka bunga ni kita buat bunga begitu, tu antara yang sebab-sebab dia yang mendiami rumah itu maka aspek-aspek sebegitu harus di beratkan supaya mereka lebih selesa dan seronok dengan itu, tapi dari segi teknikalnya, dia tok boleh [tidak boleh] pandai-pandailah dari segi pandangan bolehlah dari segi dia nak, tapi dari segi \_ tak boleh, ni biasa dia nak kayu dua inci, tak boleh kita kata tiga itu teknikal, teknikal tidak boleh, tok boleh[tidak boleh] nak pandai-pandailah hok tuh [yang itu], sebab itu saya kata 50 [lima puluh] peratus kita kena berkuasa dan lima puluh peratus lagi kuasa pada dia sebab dia yang membayar, ha itu kerenah *client* [pelanggan].

**MN : Apakah, adakah encik menyediakan khidmat ukiran ini untuk tempahan luar negara?**

**ENN : Ya sebenarnya, tetapi tidak banyak kerana saya pun tidak berminat kerana kita takut kadang-kadang bila kita buat barang sini dan kayu sini tidak berapa sesuai untuk luar negara maka nanti bila kita pos atau kita hantar dengan kapal ataupun kapal terbang kita risau tentang apa ni, dia akan jadi *crack* [retak] kualiti \_ kerja ada, tetapi dari segi dia tidak boleh sebut kualiti dia kena sebut dari segi -**

kerenah bahan tuh sendiri, sebab barang ni dia bukan macam perspek dia bukan macam plastik, bukan macam batu, dia kayu yang hidup yang sangat sensitif dengan iklim, jadi itu antara yang kami tidak berani nak risiko sangat tinggi.

**MN : Apakah kesulitan yang pernah encik dan syarikat encik hadapi?**

**ENN :** - biasanya kewanganlah satu, bila sampai masa macam sekarang ni agak sepilah dari segi tempahan, itu satu, kedua dari segi mesin yang kurang canggih kita menggunakan mesin yang dah 15 [lima belas] tahun sekarang ni memerlukan semua kena cepat, yang ketiga ialah suasana tempat kerja yang sebenarnya pekerja-pekerja disini disiplin tu kurang, dari segi kerja tu bagus tapi dari segi kebersihan, kita dah berbuih mulut dah bagitau pun biasa lah ya, itu yang antara apabila kita melihat sendiri benda-benda yang tidak boleh di tanganilah buat masa sekarang, yang ke empat ialah tempat nak *stock* [simpan] barang-barang ini tidak cukup ruang, yang kelima masalah stok kayu jugak stok bahan, yang ke enam kita memerlukan satu bila dia ada pengeluaran kena ada satu ruang pameran selesa yang besar, kalau ada ruang-ruang itu saya rasa kita dapat memberi satu kesan di mana di daerah besut ni dan kampung raja sendiri orang semua dah kenal kalau orang mari di kampung raja pun biasanya orang mari nak tengok ukiran, itu dah diketahui umum, nak mari mana? nak mari kampung raja dan buat apa? tak dok[tiada] yang lain selain daripada ukiran, kita sebenarnya dari segi publisiti dah kuat tapi dari segi pasarana di mana kita tidak dapat bantuan daripada kerajaan setempat sebab mereka sendiri pun dengan masalah

kewangan, itulah orang yang bertanggung jawab tu, jadi kita pun dah dengar dia pun ada masalah nak bayar apa ni - bil-bil orang tak mampu, tak dapat, macam mana dia nak - apa ni... nak membantu pasarana-pasarana di sekitar kawasan diorang jadi itu, itu antara benda-benda yang, tetapi sebenarnya itu kita tidak boleh mengharap kepada bada-badan untuk membantu kita, kita kena berusaha sendiri jadi saya pun ambil pendekatan usaha sendiri dan kalau ada bantuan silakan, kita tidak boleh menunggu mengharap, kita boleh buat sendiri buat sendiri, jadi kita tidak mampu lagi jadi saya gunalah sedikit ruang ini untuk menjadikan ia sebagai ruang pameran.

**MN : Apakah sumbangan terbesar yang telah disumbangkan oleh syarikat encik?**

**ENN :** Syarikat tidak banyak menyumbang saya yang banyak menyumbang, yang saya kata begitu ialah syarikat ini adalah nak bagi sumbangan kewangan tak lah mampu kita... syarikat saya ni lebih menjurus kepada nama saya sendiri sebenarnya jadi orang panggil saya orang tidak panggil syarikat kalau pergi buat *talk* [temu bual] atau mari buat kajian macam yalah dua orang mari ni pun, mari cari saya dok [kan]? bukan mari cari syarikat, jadi begitu jugak mana-mana tempat pun mana-mana institusi mari dan kerajaan sendiri dan tengok-tengok badan-badan kerajaan mari tadi pun mari untuk minta sumbangan yang lain sumbangan itulah maknanya saya bagi banyak pengalaman saya selama 30 [tiga puluh] tahun tuh antara berkongsi dengan banyak [ramai] orang yang nak buat

phd lah dengan master banyak [ramai] mari berbincang tentang pendapat dan juga pandangan saya untuk menjayakan apa ni, dia punya apa nama yang dia nak buat phd ni, thesis [kajian] dia - saya rasa dah ramai dah tak tau lah kalau [dalam] 50 [lima puluh] orang ke mungkin.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### BAHAGIAN 5: PENGALAMAN

**MN : Dari segi pengalaman, apakah sumbangan telah Encik buat sepanjang kegiatan Encik dalam bidang ini - sumbangan lain, contoh bantu mangsa banjir ke? ada tak?**

**ENN :** Itu secara - itu kita pergi, kalau saya pergi pun pergi bantu pun secara individu lah, saya dengan keluarga lah, tidak bawak orang kita pergi, tidak ada. Kita bagi secara tidak nampaklah, kalau bawak company [syarikat] nampak lah - kan? jadi dengan cara ni kena nampak, kalau [kalau] bagi check 1000 [satu ribu] tuh kena buat check besar, dan tunjuk, jadi maknanya nak tunjuk yang kita menyumbang, jadi itu style [cara] tak tau lah style apa tuh, jadi kita tidak suka cara tu, kita bagi pun sekadar yang kita mampu - melainkan kalau kita nak bagi banyak-banyak sangat mungkin kita buat begitu, nak suruh orang tahu - itu diantara sumbangan kita dengan itu kita bergerak secara individu lah, kalau bentuk sumbangan begitu.

**MN : Apakah anugerah yang telah encik capai sepanjang pengalaman encik dalam bidang ini?**

**ENN :** - Anugerah, Anugerah ya? Anugerah... Anugerah seni Negeri Terengganu pada 2006 [dua ribu enam], Anugerah Usahawan Kraf 2010 [dua ribu sepuluh] peringkat kebangsaan - selepas itu adi guru kraf 2011 [dua ribu sebelas] – pastu [selepas itu] Anugerah Usahawan Terengganu 2013 [dua ribu tiga belas] - anugerah yang terbaru Anugerah Merdekalah - jadi saya dapat peringkat kebangsaan dahulu baru dapat daerah - daerah yang terakhir, sepatutnya daerah dahulu baru pergi kebangsaan betul tak? Ini terbalik, kebangsaan, lepas itu negeri, selepas itu, baru daerah - daerah baru ni dapat itu lah tokoh kemerdekaan, saya kata saya tidak berperang pun zaman merdeka, dan saya pun tak ada lagi, tak apalah dia nak bagi – 2015 [dua ribu lima belas] lah tokoh kemerdekaan, peringkat daerah.

**MN : Boleh tak encik kongsikan kenangan pahit yang pernah alami oleh encik sepanjang kegiatan atau pengalaman encik dalam bidang ini.**

**ENN :** Untuk pengalaman pahit - kita selalu dipermainkan oleh kontraktor, sebab kita tidak ada perlindungan yang khusus dari kementerian dan apa semua - contohnya kalau awak jadi seorang kontraktor mintak contention dengan saya, lepas itu, bila saya bagi *contention* (pandangan) bagi *contention* (pandangan) dan bagi apa ni dia panggil cadangan lukisan dia akan ubah sikit dan dia akan

buat dia akan guna orang lain, kalau [kalau] saya charge [kenakan] katalah 300 [tiga ratus] untuk 100 [satu ratus] kaki persegi dia akan cari orang yang boleh buat dengan harga 100 [satu ratus], itu berlaku sampai ke hari ini, maknanya kita tidak ada perlindungan daripada pihak kerajaan.

**MN : Adakah encik terfikir untuk mengkomersialkan seni ukir ini ke luar negara seperti Singapore buat masa ini?**

**ENN :** Ada tapi sebenarnya tidak sempat, tidak dapat kita, kita pernah ikut *fair* (pameran) di Singapore tapi, dari segi nak bawak masuk barang, dia kata lebih baik cari orang dekat Johor, jadi banyak faktor yang dari segi perjalanan, pengangkutan dan sebagainya.

**MN : Jika berkelapangan, apakah aktiviti yang encik lakukan?**

**ENN :** Saya tidak buat apa-apa, hujung minggu saya duduk dirumah, saya luang masa dengan keluarga, duduk dirumah dan bersama dengan keluarga, tengok astro, melukis dan banyak buat *sketches* [lukisan] dari tahun 1999 [sembilan belas sembilan puluh sembilan] tahun 80 [lapan puluh] ada semua, sampai sekarang, saya ada beribu saya simpan.

**MN : Adakah encik ada account media sosial seperti facebook, instagram,**

**website, dan sebagainya?**

**ENN** : Dulu saya ada, sekarang pun ada, cuma saya tidak guna, sebab mende-menda [benda-benda] nie, banyak benda yang sikit, kalau dari 20 [dua puluh] tuh 1 [satu] je benda yang bermanfaat, jadi kita tidak dapat nak buat kerja, duk jawab, lepas tuh jumpa kawan-kawan lama pulak, lepas tuh yang lain masuk untuk mempersoal, jadi kita tidak ada masa untuk sampai ke tengah malam, jadi tak apa lah, biar saya jadi sorang yang ketinggalan, dalam dunia ni, dan saya pun dah tukar telefon, supaya kalau orang nak bercakap, cakap direct, kalau penting sangat nak tunjuk gambar hantar pada whatsapp isteri saya sendiri atau facebook isteri saya, baru saya boleh tengok, jadi saya nak, sebenarnya benda tuh, saya cuba jugak tengok pembaharuan kecanggihan kan, tapi dengan jiwa saya nie tidak berapa sesuai.

**MN** : **Laman web?**

**ENN** : Laman web ada orang buat untuk saya tapi saya tidak tahu, kalau cari NorHaiza Nordin mungkin ada.

**MN** : **Untuk syarikat sendiri tak ada?**

**ENN** : Tak ada.

**MN : Bagaimana encik membahagikan masa diantara keluarga dengan perniagaan**

**ENN : Sebenarnya isteri saya menolong saya, jadi keluarga saya duduk dengan saya lah, anak balik sekolah pun duduk disini, jadi selalu ada, bergerak sekali.**

### **TAMAT BAHAGIAN 5**

#### **BAHAGIAN 6: PENDAPAT**

**MN : Okay (baiklah) dari segi pendapat, apa pendapat tuan untuk menarik generasi masa kini menceburi bidang seni ukir halus ni?**

**ENN : kalau rmai org nak mari mintak dengan saya untuk belajar ataupun pandangan saya kata kalau boleh cari bidang lain lah itu hakikat dia sebab saya tidak boleh jamin, kalau pandai saya tidak boleh nak jamin untuk pendapatan, apa nie - budak itu - kesian, jadi sekarang ini kita tengok kerajaan lebih tumpu pada pembangunan lebih baik pergilah cari bidang-bidang yang ada kaitan dengan supplier [pembekal] ke, atau pun, belajar kemahiran dalam bidang dlm pembangunan macam kimpalan besi dan sebagainya atau pun kalau kayu pulak pertukangan kayu, kalau ukiran ni saya tidak nampak sebab ukiran nie hanya alat mekap, kalau orang nak pakai, macam mekap macam gincu mcm eye shadow, macam bedak, jadi kalau kita tidak pakai boleh tak? boleh kan? jadi maknanya saya nampak, kadang-kadang saya rasa bersalah bila kita mencadangkan kepada orang dan dia berminat untuk belajar dan kita tidak dapat**



nak memberi, dalam senario sekarang lah, jadi saya tidak berapa bagi, melainkan mereka memang nak dan makna bila diorang nak sangat dia sampai mari mintak-mintak makna dia ada kesungguhan, sebenarnya bila ada kesungguhan itu baru dia dapat bersungguh-sungguh untuk menceburi bidang ini, macam saya sendiri minat sangat, maka pandai saya cari jalan nak mengekalkan kedudukan kita dengan seni ukir, tapi kalau setakat nak belajar untuk menjadi pekerja ukir, untuk cari pendapatan dalam bidang ukir saya rasa payoh lah [susah lah], saya tidak bagi galakan.

**MN : Jika ada yang berminat menceburi bidang seni ukir halus ini adakah encik akan memperkenalkan pada mereka dengan ilmu yang encik ada**

**ENN :** ya, begitulah saya buat selalu apa yang saya ada saya kongsilah, bergantung kepada *level-level* [tahap-tahap] diorang, tak kan budak darjah satu saya nak ajar benda hok [yang] tingkatan 5 [lima], dok [kan]? dia tengok berapa tahun dah belajar, 3 [tiga] tahun, bermakna baru tingkatan 3 [tiga], tingkatan 3 [tiga] ni pulak kita kena bagilah ilmu yang sesuai dengan tingkatan 3 [tiga] dok [kan]? berapa tahun dah? 5 [lima] tahun dah, 5 [lima] tahun kita kena bagilah sesuai dengan masa itu, jadi tak boleh \_ oh aku tak bagi hok mu [dekat kamu] dia bagi, \_ kita kena mengenal status ataupun *level* [tahap] kita dulu, sebelum kita nak pergi ke mana-mana nie dok [kan]?

**MN : Apakah nasihat encik kepada sesiapa yang berminat untuk masuk dalam bidang seni ini**

**ENN :** kita perlu tahu tujuan macam saya cerita tadi, kita nak masuk sesuatu bidang kerana gape dia [apa]? saya nak soal balik, kenapa nak menceburi sesuatu bidang, kerana nak dapat sumber kewangan pendapatan baik cari bidang lain? kalau betul atas kena pakai, sebab ini tidak menentu, hari ini dapat kerja esok kita tak tahu, tetapi kalau kita jual makanan keperluan atau pun jual *top up* [tambah nilai] itu keperluan dak[kan]? tapi ukiran ni hari ini dapat kerja esok kita tidak tahu ada kerja tidak, jadi lebih baik cari bidang lain.

**MN : Apakah cita-cita encik jika encik tidak bergiat dalam bidang ini?**

**ENN :** Duduk pondok ah [lah] (gelak) dok [kan]? dah kita duduk dalam dunia lama dah kita tidak pergi saya rasa baik duduk di pondok, kalau[kalau] saya nak cari lagi bidang saya kena belajar bertahun-tahun pulak untuk menceburi satu bidang lain dengan umur kita ni, mana lebih baik? duduk pondok lah cari pendapatan untuk bekalan akhirat pulak.

**MN : Apakah kata-kata motivasi encik untuk bakal pengiat seni diluar sana.**

**ENN :** - kena cekallah dalam bidang ni, dia sangat kalau ibaratnya kita tak, ibarat kita nak naik gunung yang kita tak bawa apa bekalan pun, jadi macammana kita nak jadi seorang yang, orang kata dipanggil *survivor* [orang yang berdikari] dak

[kan]? macam kita tengok dalam astro ada sore [seorang] dia tak bawak gapo-gapo [apa-apa] letak dalam hute [hutan] begitulah, maknanya apabila saya sebut begitu maknanya mu [kamu] sangat kena dipanggil apa, orang panggil kita kena ada jati diri yang sangat kuat sebab bidang ini tidak menentu jadi kalau nak setakat jangan kata kerana aku baru pandai mengukir aku dah mula seronok \_ tidak lagi, bila kita dah pandai satu bab kita pandai mengukir maknanya ada satu bab lagi bagaimana nak membawa ukiran kita ni supaya orang beli maknanya kena belajar bab *marketing* [pemasaran] pastu dalam bab *marketing* [pemasaran] pulak apa kita kena belajar kita kena mesra, mesra.. apa dia panggil mesra - masyarakat makna dia kita selalunya kita beli barang-barang dengan orang ni bukan kerana kita nak beli barang itu sangat, kerana kita suka orang yang jual tu, contohnya orang tu bagus, ataupun kita nak beli satu benda dok [kan]? contohnya nak beli - apa ni, contohnya nak beli *top up* [tambah nilai] ramai orang jual *top up* [tambah nilai] kita akan pilih siapa dia dok [kan]? orang yang mesra dengan kita , pandai ambil hati, pandai borak, makna kita pilih orang jugak jadi dok[tak] kita ciri-ciri tu? jangan sebut pandai, \_ nak cakap kebolehan kita tidak menjadikan kita seorang yang berjaya, tidak semestinya kita berjaya dengan apa yang kita ada, maksudnya bakat maksudnya bakat tidak menjanjikan kejayaan kita.

## TAMAT BAHAGIAN 6

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan encik norhaiza noordin di sepanjang kegiatan beliau sebagai seni ukiran halus kami ucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai peristiwa yang berlaku. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang, sekian.

## RUJUKAN

Carving countries, (2015) modern guardian of an ancient craft, Retrieved on December 20, 2015 from carving countries.com <http://www.carvingcountries.com/?p=539>

77.

Kraftangan Malaysia, (n.d.) pengukir pertahankan warisan bangsa, Retrieved on October 3, 2015 from kraftangan Malaysia blogspot <http://tokohadiguru.blogspot.my/search/label/Norhaiza%20Bin%20Noordin>.

Ukiran Kayu Halus, (2015) tokoh ukiran kayu halus, Retrieved on December 20, 2015 from cengkerikdesa92.blogspot <http://cengkerikdesa92.blogspot.my/2014/11/tokoh-ukiran-kayu-halus.html>

# LAMPIRAN

## **LOG WAWANCARA**

Mohammad Ashraf Bin Kamal dan Muhammad Naim Bin Muhamad menemubual Encik Norhaiza Bin Noordin, yang dilahirkan pada 1963, di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Temubual dijalankan di syarikat beliau Tunjang Bakawali di Kampung Raja, Besut, Terengganu, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh adiguru seni ukiran halus dari tahun 2011 hingga sekarang.

<b>MASA</b>	<b>SUBJEK</b>	<b>NAMA/TEMPAT/RUJUKAN</b>
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0.18	Menceritakan tentang tempat lahir	Kampung Raja, Besut, Terengganu
0.52	Menceritakan mengenai nama ibu	
0.57	Menceritakan mengenai nama ayah	
1.30	Menceritakan mengenai isteri	
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN</b>		
0.32	Menceritakan mengenai aliran yang diambil semasa bersekolah dahulu	Aliran sains, sastera dan bahasa
1.18	Belajar seni ukiran halus dengan guru – guru	Kampung Raja, Besut, Terengganu



1.56	Menceritakan mengenai seni kemahiran yang diambil	Seni Perusahaan
<b>BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN</b>		
0.24	Menceritakan mengenai penglibatan diri	Seni Ukiran Halus
1.12	Mengikut kawan – kawan bekerja di luar	Petronas
4.48	Menceritakan mengenai tahun penglibatan di dalam bidang	Tahun 1984
5.11	Menceritakan pengalaman bekerja di luar Kelantan	Singapura
7.15	Pergi ke Balai Seni Ukir	Alor Lintang
7.21	Melawat dan melihat Balai Seni Ukir Wan Su	Wan Su
8.40	Meminta untk menjadi pekerja kepada Wan Po	Wan Po

8.59	Menceritakan pengalaman menjadi pekerja sambil belajar kepada Wan Mustapha dan anaknya	Wan Mustapha
9.08	Bekerja sebagai Penjurih di bawah Wan Mustapha	Penjurih
9.30	Selepas empat bulan bekerja di bawah guru yang lain	Tok Ku Ibrahim
10.46	Selepas belajar selama enam tahun saya pergi mencari guru yang lain	Tok Ku Ibrahim dan Latiff Long
11.24	Menceritakan mengenai pengalaman belajar dengan Latiff Long dan Rahman Long	Latiff Long di Kota Bharu Rahman Long di Besut
11.36	Berjumpa dengan seorang guru dalam bidang ilmunan	Nik Rashiddin
12.35	Dibawa melancong oleh Nik Rashiddin	Nik Rashiddin
12.38	Mengkaji kubur – kubur lama, istana lama, dan menyoal siasat orang – orang tua	Pathhani
13.03	Dipanggil oleh universiti untuk menjadi residen adiguu dan juga sebagai karyawan	UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) UPM (Universiti Pertanian

	tamu	Malaysia)
13.40	Mengenai tempat tinggal Nik Rashiddin	Kampung Kandis, Bachok
13.51	Pencapaian Nik Rashiddin mewujudkan akademi	Akademi Nik Rashiddin
14.04	Menceritakan mengenai ukiran pertama yang dihasilkan	Pada tahun 1984
14.15	Menceritakan mengenai tempat letaknya ukiran pertama	Rumah nenek, Hulu Besut
14.23	Mengenai ukiran pertama tersebut	Bergantung kepada kajian
15.09	Masa yang diambil untuk menyiapkan tugas pertama	
18.02	Mendapatkan idea untuk menghasilkan sesuatu ukiran	Ada motif – motif tertentu
18.26	Mengenai lukisan yang dihasilkan mengandungi nilai tersendiri	Motif – motif bunga

19.12	Tempat mendapatkan sumber kayu untuk menghasilkan ukiran	Besut
19.32	Jenis kayu yang terdapat di Besut yang sesuai digunakan dalam ukiran	Cengal, Merbau, Seraya, Samsana dan Tembusu
20.03	Alatan – alatan yang digunakan untuk menghasilkan ukiran	Pahat yang direka khas
22.16	Teknik – teknik yang terdapat dalam menghasilkan sesebuah ukiran	Bergantung kepada jenis ukiran
27.23	Masa yang digunakan untuk menghasilkan ukiran	Bergantung kepada karya
<b>BAHAGIAN 4: SYARIKAT</b>		
0.14	Menceritakan mengenai syarikat yang ditubuhkan	Syarikat Seni Ukir Bakawali Tunjang Bakawali
0.56	Wujudnya pesaing dalam pasaran seni ukir	Indonesia Institut Kraf Negara
4.12	Mengenai bagaimana wujudnya nama syarikat	Bunga Bakawali

4.34	Bila ditanya mengenai pekerja	Bengkel Tunjang Bakawali
7.06	Projek pertama yang diterima Tunjang Bakawali	Mimbar Masjid, Besut
7.42	Mengenai projek terbesar yang tengah diterima	Islamic Centre, Oxford Universiti
9.11	Menganjurkan bengkel mengukir terhadap masyarakat tempatan	University
<b>BAHAGIAN 5: PENGALAMAN</b>		
0.20	Sumbangan yang telah dibuat sepanjang penglibatan dalam bidang	Individu dan keluarga
1.35	Mengenai anugerah yang telah dicapai	Anugerah Seni Negeri Terengganu Anugerah Usahawan Kraf Anugerah Adiguru Kraf Anugerah Usahawan Terengganu Anugerah Merdeka
3.16	Mengenai pengalaman pahit sepanjang penglibatan	Kontraktor

4.21	Mengkomersialkan seni ukir ke Negara luar	Singapura
5.15	Mengenai aktiviti masa lapang di hujung minggu	Melukis dan membuat sketches
<b>BAHAGIAN 6: PENDAPAT</b>		
0.20	Ditanya mengenai pendapat sekiranya generasi akan datang menceburi bidang ini	Bergantung pada minat
3.15	Mengenai nasihat kepada sesiapa yang berminat masuk ke bidang seni ukir	Perlu tahu tujuan
4.51	Kata – kata motivasi kepada bakal penggiat seni.	Perlu cekal

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
5.00 ptg – 7 mlm	6 Okt 2015	<u>Membuat penyelidikan mengenai tokoh – tokoh yang terdapat di sekitar negeri Kelantan dan Terengganu.</u>	Memilih tokoh untuk ditemubual
8.00 mlm – 11 mlm	6 Okt 2015	Mencari maklumat mengenai tokoh yang dipilih.	Mencari maklumat mengenai tokoh

11.00 pg – 2.00 ptg	7 Okt 2015	Berbincang dengan pensyarah mengenai tokoh yang dipilih untuk mendapatkan persetujuan.	Mendapatkan persetujuan pensyarah
3.00 ptg – 4.00 ptg	28 Okt 2015	Menelefon Encik Norhaiza Bin Noordin untuk mendapatkan persetujuan untuk menjalankan temubual.	Mendapatkan persetujuan tokoh
11.00 pg – 2.00 ptg	4 Nov 2015	Berbincang dengan pensyarah mengenai soalan yang akan ditanya kepada tokoh.	Berbincang dengan pensyarah
10.00 pg – 11.00 pg	8 Nov 2015	Mendapatkan surat kebenaran rasmi UiTM	Mendapatkan surat
9.00 mlm – 2.00 pg	8 Nov 2015	Membuat soalan untuk ditujukan kepada tokoh	Membuat soalan

11.00 pg – 12.00 tgh hri	9 Nov 2015	Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh temubual	Menetapkan tarikh
10.00 pg – 11.00 pg	10 Nov 2015	Menghantar emel kepada tokoh mengenai tarikh yang dipersetujui, senarai soalan dan surat rasmi UiTM	Menghantar emel kepada tokoh
11.00 pg – 12.00 tgh hri	12 Nov 2015	Mengingatkan tokoh mengenai tarikh temubual	Mengingatkan tokoh dan bertanya mengenai masa
11.00 pg – 3.00 ptg	16 Nov 2015	Perjumpaan bersama tokoh di Tunjang Bakawali, Besut, Terengganu	Temubual bermula
12.00 tgh hri – 1.00 ptg	20 Nov 2015	Mendapatkan tandatangan ketua pusat pengajian untuk surat perjanjian temubual.	Mendapatkan tandatangan



# SENARAI SOALAN

## LATAR BELAKANG

1. Boleh Encik ceritakan mengenai latar belakang Encik, seperti nama Encik dan umur, tarikh lahir, tempat lahir dan sebagainya
2. Encik berasal dari mana?
3. Sudah berapa lama Encik menetap di sini?
4. Apakah nama ibu encik?
5. Apakah nama ayah encik?
6. Adakah Encik sudah berkeluarga?
7. Siapakah nama isteri Encik?
8. Berapa orangkah anak Encik?
9. Berapa umur anak Encik yang sulung dan berapakah umur anak Encik yang bongsu?
10. Adakah saudara mara Encik turut mengikuti bidang yang sama?
11. Adakah keluarga Encik menyokong minat Encik?
12. Adakah anak dan isteri Encik terlibat dalam bidang ini?
13. Adakah Encik ingin anak-anak Encik terlibat dalam bidang ini?

## PENDIDIKAN

14. Boleh Encik ceritakan mengenai latar belakang pendidikan Encik?
15. Adakah Encik ada melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi?
16. Apakah jurusan yang Encik ambil sewaktu menyambung pelajaran?

17. Siapakah yang mendorong Encik untuk melanjutkan pelajaran?
18. Adakah Encik ada meminta nasihat daripada sesiapa sebelum Encik melanjutkan pelajaran?
19. Dimanakah Encik menyambung pendidikan?
20. Apakah pencapaian tertinggi yang Encik pernah capai sewaktu belajar dulu?
21. Adakah Encik ada menerima apa-apa anugerah waktu belajar dahulu?
22. Adakah Encik mempelajari bidang ini sejak zaman sekolah?
23. Adakah Encik pernah menghasilkan sesuatu produk berkaitan ukiran kayu pada masa belajar dahulu?

#### **PENGLIBATAN**

24. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai seni ukiran halus ini?
25. Sudah berapa lama Encik berkecimpung/terlibat dalam bidang ini?
26. Pada tahun bilakah encik memulakan bidang ini?
27. Dimanakah tempat pertama encik memulakan bidang ini?
28. Apakah yang mendorong minat encik untuk menceburi bidang ini?
29. Adakah bidang yang encik ceburi ini diwarisi dari keluarga?
30. Apakah ukiran pertama yang telah encik hasilkan?
31. Berapa lamakah masa yang diambil ketika encik menyiapkan ujian pertama encik?
32. Dari manakah encik mendapatkan idea atau inspirasi untuk menghasilkan sesuatu ukiran?
33. Adakah setiap ukiran yang encik hasilkan mempunyai jenis yang tersendiri?

34. Dari manakah encik mendapatkan sumber kayu-kayu yang akan digunakan dalam menghasilkan sesebuah ukiran?
35. Apakah jenis-jenis kayu yang sesuai digunakan?
36. Boleh encik senaraikan alatan-alatan yang digunakan untuk membuat ukiran?
37. Dalam menghasilkan sesuatu ukiran adakah encik menggunakan teknik-teknik tertentu?
38. Berapa lamakah masa yang pernah encik habiskan untuk menghasilkan sebuah ukiran bersaiz besar?
39. Dalam masa sehari berapakah bilangan ukiran yang boleh encik hasilkan?
40. Berapakah kos yang diperlukan untuk menghasilkan satu ukiran biasa?
41. Adakah setiap ukiran yang encik hasilkan bermotifkan sesuatu, cth spt tumbuh-tumbuhan, alam, keagamaan dan sbgainya?
42. Apakah kekangan mahupun gangguan yang pernah encik alami dalam menghasilkan sesuatu ukiran?
43. Adakah untuk menghasilkan sesebuah ukiran memerlukan kemahiran tertentu?
44. Berapakah tempoh masa bagi sesebuah ukiran?
45. Apakah cara-cara yang boleh digunakan untuk menjaga sesebuah ukiran agar dapat bertahan lama?
46. Kita semua maklum mengenai seni ukir halus sangat popular di negeri Terengganu dan Kelantan, bagaimanakah encik memastikan bahawa seni ukir encik berbeza dan unik berbanding ukiran yang lain?

## **SYARIKAT**

47. Adakah encik mempunyai syarikat?
48. Apakah nama syarikat encik?
49. Apakah yang dimaksudkan dengan nama syarikat encik?
50. Adakah syarikat encik mempunyai cawangan di tempat lain?
51. Adakah encik ada mengupah pekerja?
52. Berapakah jumlah pekerja encik?
53. Apakah ciri-ciri yang encik utamakan ketika mencari pekerja?
54. Adakah setiap pekerja encik mahir dalam bidang ini?
55. Bilakah syarikat ini ditubuhkan?
56. Apakah projek pertama yang diterima oleh syarikat ini?
57. Apakah projek terbesar yang pernah diterima oleh syarikat ini?
58. Adakah encik pernah menganjurkan bengkel mengukir terhadap masyarakat sekitar dan sebagainya?
59. Berapakah jumlah pekerja yang diperlukan untuk menyiapkan sebuah ukiran yang besar seperti dibangunan, muzium dan sebagainya?
60. Untuk menyiapkan sesebuah ukiran hiasan dalaman bagi sesebuah tempat seperti istana, rumah vip dan sebagainya, apakah aspek yang encik utamakan?
61. Adakah encik menyediakan khidmat ukiran ini terhadap Negara luar?
62. Apakah kesulitan yang pernah encik dan syarikat encik hadapi?
63. Apakah sumbangan terbesar yang telah disumbangkan oleh syarikat encik?

## **PENGALAMAN**

64. Apakah sumbangan yang telah encik buat sepanjang kegiatan encik dalam bidang ini?
65. Apakah anugerah yang telah encik capai sepanjang pengalaman encik dalam bidang ini?
66. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami oleh tuan haji sepanjang pengalaman dalam bidang ini?
67. Adakah encik terpikir untuk mengkomersialkan seni ukir ini ke luar negara sebagai contoh Singapura?

## **PENDAPAT**

68. Pada pendapat tuan apakah cara yg terbaik ntuk menarik minat generasi masa kini untuk menceburi bidang seni ukir halus ini?
69. Jika ada yg berminat menceburi bidang seni ukir halus ini, adakah encik akan memperkenalkan kepada mereka dengan ilmu yg encik ada?
70. Apa nasihat encik kepada sesiapa yang berminat untuk masuk dalam bidang seni ini.
71. Apakah cita-cita encik jika encik tidak bergiat dengan bidang ini?
72. Kata-kata motivasi encik untuk bakal pengiat seni diluar sana?



# SURAT PERJANJIAN

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan EN CK NORHAJAH BIN NOORAIN..... Pada 16.11.2015.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat**: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 16.11.2015..... (tarikh).  
Dipersetujui pada 16.11.2015..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

.....

Dr. Mohd Nasir Ismail,

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
& Fakulti Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

## GAMBAR

















## INDEKS

A		P	
Ajar	3,4,6,7,9,10,11,14,15,16, 19,20,21,34,35,36,37	Paksa	7,19,21
		Pekerja	10,18,23,24,26,28,35
D			
Dalaman	9,14,25,26	R	
		Rumah	8,11,16,26,27,32
H		S	
Harga	18,21,32	Sejarah	5,7,17
		Seni	4,5,6,7,10,23,14,15, 20,21,22,24,25,31,32,34,35, 36
K		U	
Kampung	1,4,7,11,24,28	Ukiran	4,5,7,9,11,12,13,14,16, 17,18,19,20,21,23,24,25, 26,27,28,34,36,37,38
Kayu	4,9,13,14,16,19,20,25,27, 28,34		
Kraf	21,31	W	
Kos	14	Warisan	6
		Wan Su	8
L			
Lama	2,4,6,9,10,12,14,15,17,18, ,19,25,26,29,30,31,33,36		
M			
Masa	3,4,7,8,9,11,12,13,14,16,17, 19,22,26,27,28,29,32,33,34		
Minat	3,4,5,6,8,9,12,20,34,35,36		
N			
Nik Rashiddin	10,11		